



Cambridge IGCSE™

FIRST LANGUAGE MALAY

0696/01

Paper 1 Reading and Directed Writing

May/June 2024

INSERT

2 hours

INFORMATION

- This insert contains the reading passages.
- You may annotate this insert and use the blank spaces for planning. **Do not write your answers** on the insert.

MAKLUMAT

- Sisipan ini mengandungi teks-teks bacaan.
- Anda boleh membuat catatan pada sisipan ini dan gunakan ruang kosong untuk merangka jawapan.
Jangan tulis jawapan anda pada sisipan tersebut.



This document has **8** pages. Any blank pages are indicated.

Baca Teks A, kemudian jawab Soalan 1 dalam Kertas Soalan.

Teks A: Cikgu Nora Farlina – pengalaman peribadi seorang guru pelatih

(Rozninah Abd. Azib/Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)/2012, disuaipadankan)

Pekerjaan Nora Farlina sebagai pereka grafik amat serasi dengan jiwanya. Suasana di tempat kerja yang selesa dan aman semakin meliatkan hatinya untuk melepaskan jawatan itu. Tetapi ini sahaja tidak cukup untuk mengikat kesetiaannya kepada organisasi itu. Selepas lapan tahun berkhidmat di situ, dia masih berada di takuk lama. Kenaikan pangkat hanya menjadi angan-angan kosong.

5

Keputusan Nora Farlina untuk meletak jawatan lebih terdorong oleh desakan suaminya, seorang jurutera yang jauh lebih mampu menanggung anak dan isterinya.

“Masa sepenuhnya boleh ditumpukan kepada anak dan keluarga. Harga sedetik masa untuk keluarga tidak boleh dibayar dengan setimbun wang ringgit. Berhentilah kerja, saya mampu,” kata suami Nora Farlina pada suatu hari.

10

Nora Farlina berasa begitu terpuak dengan kata-kata lembut suaminya yang berwajah tenang itu. Dia percaya, ada kesungguhan pada wajah suaminya itu.

Namun begitu, Nora Farlina tidak menelan bulat-bulat kata-kata suaminya. Dia sedar, sebagai seorang wanita, dia juga perlu mempunyai pekerjaannya sendiri. Berhenti kerja bukan jalan penyelesaian. Dia percaya, suaminya tempat pergantungan sementara, sementara suami masih hidup dan masih sayang.

15

Lalu, Nora Farlina memohon keizinan suaminya. Bukan keizinan untuk berhenti kerja, tetapi membenarkan dia menyambung pelajarannya. Dia mahu mengambil diploma pendidikan bagi membolehkannya menukar haluan. Sebenarnya, bukan kerana minat dan bukan kerana niatnya hendak mendidik anak bangsa, tetapi lebih terdorong oleh kesesuaian kerjaya.

20

Hanya pekerjaan itu yang memungkinkannya mempunyai sebahagian daripada waktu siang untuk bersama anak-anak. Yang lebih memancing minatnya kepada kerjaya itu adalah kerana jumlah cuti yang banyak. Itu sahaja niatnya pada mulanya. Dia lebih memikirkan kepentingan dirinya. Yang penting, hanya dia dan keluarganya.

“Cikgu, Cikgu Farlina, 15 minit lagi cikgu boleh masuk ke Tingkatan Lima Lekir. Cikgu Hamdan tak datang hari ini. Cikgu tolong gantikan tempatnya,” kata Pengetua Sekolah Tun Iskandar. Wajahnya yang mahal dengan senyuman kelihatan begitu tegas, ketika mengeluarkan perintah kepada Nora Farlina yang sedang melayan fikirannya.

25

Nora Farlina, yang terkejut dengan kunjungan mendadak pengetuanya itu, segera membetulkan duduknya. Dengan berhati-hati, dia mengesotkan punggungnya di kerusi yang telah uzur itu, sehingga dia mendapat keselesaan, dan dengan agak ragu-ragu, dia menyandarkan belakang tubuhnya pada tempat penyandar kerusi yang telah bergoyang itu.

30

“Kau fikir jadi cikgu senang, Nora? Memang kerja sekerat hari, cuti banyak, tapi di rumah kena periksa buku murid-murid. Kalau kerja pejabat, balik kerja tak fikir fasal kerja lagi. Tumpuan hanya pada rumah, anak dan suami,” mendadak kata-kata nasihat daripada Rohani, sahabat karib di tempat kerja lamanya, menghenyak fikirannya.

35

“Kring....kriing....kriiing!” Loceng menandakan masa pertama telah tamat, berbunyi dengan lantang. Suasana bilik guru yang tadinya sunyi sepi bertukar menjadi riuh seketika. Guru yang masuk dan keluar silih berganti. Mereka tidak sempat untuk bersembang-sembang, sekadar bertegur sapa ala kadar, atau sekurang-kurangnya berbalas-balas senyuman.

40

“Hai, berlainan benar dengan suasana pejabat lama aku dulu!” keluh Nora Farlina sendiri.

Sambil berjalan keluar meninggalkan bilik guru, fikiran Nora Farlina belayar terus dan hatinya tidak henti-henti berbicara.

“Kalau di pejabat dulu masuk kerja pukul 8.00, tapi pukul 8.30 sedang kacau air untuk sarapan pagi, dengan tenang bersantai-santai sambil menghirup kopi atau teh. Di sekolah, tak boleh curi tulang, cikgu tak datang, guru lain kena ganti.” 45

Nora Farlina tiba di Tingkatan Lima Lekir. Pelajar-pelajar mengucapkan selamat sejahtera kepadanya, sebaik sahaja dia berada di hadapan kelas. Senangnya hati Nora Farlina mendengar penghormatan itu, walaupun hatinya masih gugup, kerana pertama kali berhadapan dengan pelajar yang kebanyakannya lebih besar dan tinggi daripadanya. 50

“Saya menggantikan Cikgu Hamdan. Dia tak datang hari ini...”

“Tak datang terus lagi baik.” Tiba-tiba terdengar ada suara sumbang memintas kata-kata Nora Farlina.

Tanpa mempedulikannya, Nora Farlina terus berbicara lagi. “Saya guru baharu di sini. Saya buat latihan mengajar di sini. Saya harap awak semua memberi kerjasama yang baik kepada saya,” sengaja Nora Farlina menyaringkan sedikit suaranya ketika melahirkan kata-kata itu. 55

“Ah! Tak lamalah tu, dua bulan. Jangan bimbang...”

“Apa awak kata?” Cepat-cepat Nora Farlina mencelah. Nada suaranya semakin tinggi.

Nora Farlina mencerlungkan matanya. Dia menarik kerusinya yang berada rapat dengan meja dengan kasar dan menghempaskan punggungnya ke atas kerusi itu. Sengaja dia lakukan begitu supaya pelajarnya tahu bahawa dia tidak senang dengan sikap mereka. Dia cuba memujuk hatinya untuk mengumpul kesabaran. Lantaran itu, dengan lembut Nora Farlina memanggungkan kepalanya sambil pandangannya singgah kepada setiap wajah pelajar di dalam kelas itu – menyapa mereka satu persatu dengan pandangan amaran. Harapannya, dengan cara itu akan ada sedikit rasa malu. 60
65

“Siapa yang menyanyi tu? Siapa nama awak?” Nora Farlina mengajukan soalan itu kepada seorang pelajar di Tingkatan Empat Jebat, yang sedang menyanyi.

“Siapa menyanyi? Kau? Kau?” Tanya pelajar lelaki itu.

Sakit hati Nora Farlina melihat pelajar itu yang sengaja tidak mahu mengaku.

“Saya rasalah, kalau beginilah sikap pelajar sekarang, tak ada seorangpun manusia yang sanggup menjadi cikgu....” 70

Hari ini sudah dua kelas saya masuk. Dua-dua degil tidak menghormati saya. Setahun saya belajar banyak tentang teori pendidikan tetapi teori-teori ini tidak sesuai untuk orang seperti awak. Awak semua mematahkan....”

“Cikgu. Cukup cikgu. Saya sebagai ketua kelas ingin memohon maaf. Kami akui kami silap, kami tidak hormatkan cikgu,” tiba-tiba pelajar yang menyanyi dan menari tadi memintas kata-kata Nora Farlina. 75

Nora Farlina diam seketika. Dia merenung lembut pelajar itu. Pelajar itu menundukkan kepalanya, tidak sanggup bertentang mata dengan Nora Farlina.

“Cikgu janganlah ambil hati. Kami mohon maaf,” Azhar masih mencuba.

80

Nora Farlina cuba mengukirkan senyuman. Walaupun senyuman itu masih tawar, ianya sudah cukup untuk melegakan hati Azhar dan teman-temannya.

Pada birai mata Nora Farlina sudah ada air yang membanjirinya, menanti jatuh pada bila-bila masa sahaja. Air mata gembira, air mata kemenangan bagi Nora Farlina. Dia tidak menyangka keluhan kekecewaannya itu berjaya menjalinkan hubungan baik antara dia dengan pelajar-pelajar yang berada di hadapannya itu.

85

Azhar dan teman-temannya berjaya memberikan harapan kepadanya terhadap kerjaya perguruan. Sejalur zaman harus disemadikan sebagai sejarah dalam hidup, dan kebijaksanaan telah mengajarnya agar berani mencipta sejarah baharu serta berhadapan dengan cabaran baharu!

90

Baca Teks B dan C, kemudian jawab Soalan 2 dalam Kertas Soalan.

Teks B: Penipu memburu mangsa di media sosial

(Lo Tern Chern dan RSN Murali/Thestar.com.my/21 April 2021, disuaipadankan)

GEORGE TOWN: Selepas banyak serbuan yang berjaya terhadap sindiket penipuan Macau, penipu mula menggunakan modus operandi baharu untuk membuat orang ramai berpisah dengan wang mereka.

Ketua Jenayah Komersial Pulau Pinang Asisten Komisioner Mohd Rosli Ahmad berkata, penipu kini akan menipu mangsa mereka melalui platform media sosial seperti Facebook, WhatsApp atau WeChat, dan bukannya pendekatan bersemuka tradisional. 5

Beliau berkata, keadaan bertambah buruk apabila lebih ramai orang kini menggunakan transaksi dalam talian.

“Pada masa lalu, ada skim pelaburan piramid di mana mangsa menghadiri taklimat sebelum berpisah dengan wang mereka, atau pertandingan ‘gores dan menang’ di mana mangsa didekati oleh penipu di jalan-jalan. 10

Sekarang, mangsa akan menjadi mangsa iklan penipuan kewangan di media sosial,” katanya.

Memetik contoh di Pulau Pinang tahun lepas, ACP Rosli berkata, seorang wanita berusia 76 tahun kerugian RM1.84 juta kepada penipu selepas dia terpedaya kerana mempercayai bahawa bungkusan yang dihintarnya mengandungi barang haram. 15

Beliau berkata, wanita itu telah dihubungi oleh seorang “anggota polis”, yang berkata dia disyaki terlibat dalam sindiket pengubahan wang haram RM1.48 juta.

Oleh kerana takut, wanita itu mematuhi arahnya, termasuk memasukkan wang sebanyak RM1.48 juta dalam lima transaksi pada Julai tahun lepas.

Mengikut laporan, sebahagian wang itu diwarisi, ada yang diperoleh daripada menggadai barang kemas dan ada yang dipinjam daripada adik-beradiknya. 20

Apabila dia kehabisan wang, dia meminta bantuan daripada anaknya yang mengesyaki sesuatu yang tidak kena dan membuat laporan polis.

ACP Rosli berkata, sindiket itu akan menyasarkan mangsa yang berumur 40 tahun ke atas dan berkemampuan. 25

“Penipu selalunya menyamar sebagai pegawai penguat kuasa daripada polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Pos Malaysia atau Bank Negara.

Mereka menimbulkan ketakutan kepada mangsa mereka, yang kemudiannya akan memasukkan wang ke dalam akaun keldai. Memandangkan mangsa yakin untuk merahsiakan perkara itu, biasanya sudah terlambat apabila mereka menyedari penipuan itu. Pada masa itu, wang mereka sudah lesap,” katanya. 30

ACP Rosli berkata, walaupun banyak usaha dijalankan untuk meningkatkan kesedaran, orang ramai masih mudah terpengaruh dengan penipuan sedemikian.

“Polis tidak akan sesekali meminta sesiapa untuk mendedahkan maklumat perbankan mereka atau menjalankan transaksi kewangan melalui telefon. Kami hanya akan memanggil seseorang ke balai polis untuk memudahkan siasatan,” katanya. 35

Penipuan Macau selalunya bermula dengan panggilan telefon daripada seseorang yang berpura-pura menjadi pegawai dari bank, kerajaan atau agensi penguat kuasa undang-undang atau pemungut hutang.

Penipu kemudiannya akan mendakwa bahawa bakal mangsa berhutang wang atau mempunyai denda yang tidak dibayar, selalunya diberi tempoh yang sangat singkat; kurang daripada satu jam, untuk menyelesaikan pembayaran atau menghadapi 'akibat buruk'.

40

Mangsa yang tidak mengesyaki apa-apa, kemudiannya akan diminta membuat pembayaran untuk melepaskan diri.

Teks C: Kes penipuan internet semakin rancak

(Mohd Zahir Haqim/Sarawakvoice.com/Januari 12/disuaipadankan)

Sikap panik, takut dan sikap terburu-buru ingin menyelesaikan masalah berkaitan undang-undang merupakan antara faktor utama masyarakat menjadi mangsa kepada penipuan dalam talian.

Menurut pensyarah di Jabatan Perubatan Psikologi Universiti Malaya, Dr Bernardo Tan, walaupun jenayah tersebut sering dilaporkan secara aktif dalam media sosial, masih terdapat sejumlah besar yang tertipu.

5

Ini bukanlah perkara yang boleh dipandang remeh oleh semua pihak khususnya mereka yang berpotensi untuk menjadi mangsa seperti warga emas dan sebagainya.

Walaupun kes seperti penipuan Macau ini dilaporkan di media elektronik, media cetak bahkan dikongsikan di laman sosial, masih ada masyarakat kita yang menjadi mangsa.

10

Bagaimanakah cara untuk mengatasi isu tersebut?

Berhati-hati, berjaga-jaga dan buat rujukan kepada pihak yang tepat. Ya, kita tahu apabila berdepan dengan situasi ketika dihubungi oleh 'scammer' lebih-lebih lagi melalui panggilan telefon, ia bukan perkara yang mudah.

Segelintir daripada mereka ini juga sangat bijak bermain dengan psikologi mangsa mengeluarkan akta-akta tentang hukuman sekiranya tidak menuruti arahan mereka.

15

Sememangnya apabila kita berdepan dengan situasi ini, kita akan panik dan ingin menuruti apa-apa sahaja kemahuan mereka termasuk membuat transaksi dalam talian dan tanpa sedar, kita juga telah membuat pemindahan wang dalam jumlah yang besar.

Walau bagaimanapun, jika berdepan dengan situasi ini, tidak salah sekiranya kita mengambil langkah berjaga-jaga dengan membuat rujukan kepada pihak yang lebih tahu.

20

Sebagai contoh, jika kita dihubungi oleh individu berhubung dengan nombor TAC yang masuk ke dalam telefon bimbit — biasanya mereka akan meminta kita berkongsi nombor tersebut untuk pemindahan wang atau pembelian barangan dalam talian.

Untuk perkara sedemikian, tidak salah sekiranya kita membuat rujukan kepada pihak lain seperti pihak bank untuk mendapatkan kepastian. Tidak cukup dengan itu, kita juga tidak boleh mendedahkan maklumat peribadi kepada orang lain termasuk nombor TAC tersebut apalagi sekiranya kita sendiri tidak melakukan sebarang transaksi.

25

Untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan dalam talian ini, kita mesti sentiasa berhati-hati dalam setiap perkara. Jangan mudah terperdaya atau termakan dengan pujuk rayu orang lain.

30

Sekiranya ada menerima panggilan yang mencurigakan, adalah lebih baik kita merakam perbualan tersebut dan ia juga boleh digunakan sebagai bukti atau rujukan kepada pihak berkuasa.

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cambridgeinternational.org after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.